

Ujian ketangkasan penyelamat

► Latihan besar-besaran operasi menyelamat 'pesawat terhempas' di LTAKK

KEPULAN asap dapat dilihat sejauh kira-kira 5 kilometer dari kawasan kejadian.

Oleh VIVI OLIVIANA NAJURUS

UB 6.10.2018 B4
EMPAT remaja 'maut' selepas pesawat BOEING 737-800 milik Romeo Airlines 'terhempas' di penghujung landasan 02 Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (LTAKK) selepas berlepas pada jam 11.24 pagi Khamis.

Pesawat berlepas ke Kuala Lumpur itu seterusnya terbabs di muara Sungai Petagas, menyebabkan 150 penumpang termasuk 144 orang awam dan enam kru kapal mengalami pelbagai kecederaan.

Ketua Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik dan Ketenteraman Awam Deputi Superintendant Yusoff Zaki berkata empat 'mangsa' termasuk tiga wanita berumur lingkungan 20 tahun dilaporkan meninggal dunia.

Setakat jam 2.40 petang katanya, 87 mangsa sudah ditemukan, manakala selebih 63 lagi penumpang masih dilaporkan hilang dan bunyi siren ambulans didengari secara tidak henti-henti.

henti di lokasi kejadian.


"Pasukan mencari dan menyelamat (SAR) masih menjalankan kerja pencarian di sekitar lokasi kejadian yang dilaksanakan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) serta Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dan pasukan keselamatan Malaysia Airlines Berhad (MAB) sendiri," katanya.

Menurutnya, asap tebal hasil dari letupan pesawat boleh dilihat sejauh kira-kira 5 kilometer dari lokasi kejadian dan operasi pemadaman dilakukan pasukan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat Lapangan Terbang (AFRS) dengan bantuan JBPM.

"Kita juga membuka Pusat Kawalan Operasi PDRM sendiri termasuk bomba, serta pihak Keselamatan Penerbangan (AVSEC) yang akan menyalurkan maklumat secara terus ke Pusat Operasi Kecemasan (EOC).

"Pasukan perubatan juga dibantu beberapa agensi lain termasuklah Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (PBSM) dalam

ANGGOTA JBPM menyelamatkan salah seorang mangsa sebaik pesawat terhempas.



mengendalikan mangsa cedera yang dibahagikan kepada zon hijau, kuning serta zon merah iaitu mangsa mengalami kecederaan parah," katanya.

Demikian senario yang boleh dilihat sepanjang berlangsungnya Latihan Amal Bencana Udara 2018 'Full Scale Exercise Aircraft Crash Off Airport' (X-Raja Udang) di LTAKK.

Pengurus Kanan Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB) LTAKK Sunif Naiman berkata latihan berskala besar itu dijayakan seramai 800 individu dari pelbagai agensi termasuk swasta serta badan kerajaan.

"Tujuan latihan ini adalah bagi mengetahui tahap keupayaan apabila berhadapan bencana selain menguji Prosedur Standard Operasi (SOP) MAHB sendiri dan mengeratkan kerjasama dengan agensi lain."

"Ini juga adalah latihan amal pertama di Sabah yang membabitkan kecemasan pesawat terhempas di laut dan pesisiran pantai," katanya.

Dalam pada itu, Ketua Pegawai Eksekutif MASWings, Aminuddin

Zakaria, berkata dapatkan paling ketara dalam latihan kali ini adalah pihaknya sendiri dapat mengaktifkan layanan untuk 'Next-of-Kin' (NOK) (waris) yang datang ke LTAKK bagi meminta penjelasan.

"Kita menyediakan beberapa ruang kawasan khas bagi NOK untuk memberikan penjelasan selain mententeramkan mereka mengikut SOP yang sudah ditetapkan selama tiga hari sebelumnya.

"Kita juga bekerjasama dengan pihak Hospital mesra Bukit Padang untuk tujuan



JENTERA AF...
kebakaran me...
di



kaunseling kepada NOK serta mententeramkan mangsa sendiri di lokasi kejadian," katanya.

Beliau mengucapkan tahniah kepada semua yang terlibat termasuk 150 pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan pelatih perubatan yang bertindak sebagai mangsa dalam latihan itu.

(Gambar kanan) **MANGSA** dibahagikan mengikut tahap kecederaan masing-masing.



PASUKAN EMRS dan polis mengangkat mangsa sebelum diberikan rawatan awal di lokasi.



ANGGOTA APM memeriksa keadaan mangsa manakala anggota polis mengambil maklumat mangsa.